

**SULIT**

---



Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2019/2020

Disember 2019 / Januari 2020

**HKB422 - Karya Pilihan dalam Kesusasteraan Afrika Modern  
dan Amerika Latin**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA (5) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab DUA (2) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

...2/-

**SULIT**

- 2 -

Bahagian A

1. Telitikan dua buah puisi yang dilampirkan iaitu, "Africa" oleh David Diop dan "There is No Sun in Africa but Drought" karya Nhamo Marechera (Rujuk Lampiran). Berdasarkan kedua-dua buah puisi tersebut, bincangkan sejauh mana pengertian dan falsafah perjuangan *Negritude* berfungsi untuk menyedarkan masyarakat kulit hitam bahawa, sastera, budaya dan sejarah adalah warisan mereka yang mesti dipertahankan.

[100 markah]

2. Berdasarkan novel *Things Fall Apart* (1958) hasil nukilan Albert Chinualumogo Achebe dan *The Beautiful Ones Are Not Yet Born* karya Ayi Kwei Armah (1968), bahaskan corak dan strategi penentangan kedua-dua pengarang ini terhadap penjajah.

[100 markah]

3. Drama *Death and the King's Horseman* (1998) karya Akinwande Oluwole Babatunde Soyinka memperlihatkan tercetusnya peristiwa salah faham budaya antara pihak yang dijajah dengan yang menjajah. Pada hemat anda apakah hasrat pengarang mengemukakan isu tersebut? Kukuhkan perbincangan anda dengan contoh-contoh adegan yang sesuai.

[100 markah]

4. Berdasarkan watak-watak utama dalam novel *Amina* (2011) karya Muhammad Umar dan cerpen "The Arrangers of Marriage" (2009) karya Chimamanda Ngozi Adichie, bincangkan bagaimana mereka berusaha untuk memperoleh ruang peribadi wanita khususnya dalam kalangan wanita Nigeria yang selama ini dibelenggu dengan penjajahan berganda.

[100 markah]

...3/-

- 3 -

Bahagian B

5. Dengan mengemukakan contoh-contoh pengarang dan karya yang sesuai, rincikan secara kritis mengapa kemasyhuran aliran dan kefahaman Macondo yang selama ini memperkenalkan Kesusasteraan Amerika Latin di persada dunia, kini telah diambil alih dengan munculnya aliran McOndo.

[100 markah]

6. Analisiskan sejauh mana kedua-dua buah cerpen "A Very Old Man with Enormous Wings" (1997) karya Gabriel Garcia Marquez dan cerpen "Smallest Woman in the World" (1974) karya Clarice Lisbeth dapat dihayati daripada perspektif realisme magis.

[100 markah]

7. Dalam ucapan ketika menerima anugerah Hadiah Nobel (Kesusasteraan) pada tahun 2010, Jorge Mario Pedro Varga Llosa mengakui bahawa, "I write because I am not happy. I write because it is a way of struggling against unhappiness." Berdasarkan demonstrasi politik dalam novel *The Real Life of Alejandro Mayta* (1985), perlihatkan secara kritis bagaimana ungkapan tersebut dapat mencerminkan sikap dan pendirian Varga Llosa terhadap situasi negaranya, Peru.

[100 markah]

8. Ricardo Eliecer Neftali Basoalto mengisyiharkan dirinya sebagai komunis menjadikan ideologi politiknya berdepan dengan sejarah dan liku-liku hidup beliau penuh kontroversi. Namun sebaliknya puisi-puisi ciptaan beliau telah memperkenalkan dirinya "as a spokesman for love". Berdasarkan puisi-puisi dalam *100 Love Sonnets*, bahaskan pernyataan tersebut.

[100 markah]

## LAMPIRAN

Nhamo Marechera

### THERE IS NO SUN IN AFRICA BUT DROUGHT

Foreigners love the beautiful sunshine;  
Tourists from the world ever,  
Flock to see and feel the sun.  
The sun of Dark Continent.  
There's nothing new in Africa;  
Nothing new but only few faces,  
Who want to get a good tan of African  
sunshine.

The natives barely notice the sun.  
'Tis part of their lives.  
This summer tourists have flooded  
Africa;  
There is boom in the hotel industry,  
To witness the unchanging sun.  
The natives curse and swear at the sun,  
For it brings poverty, hunger and death.  
The crops are withering away in the  
fields;  
The tired farmer cries, "God, give us  
rain!"  
But God does not hear the forlorn cry.  
And the drought rages on in Africa,  
Killing plants, man and beasts.

Sumber: Riemenschneider, Dieter & Schulze-Engler, Frank. 1993.  
African Literatures in the Eighties. Amsterdam: Rodopi.hlm.106

## LAMPIRAN

Africa

Africa my Africa  
Africa of proud warriors in ancestral savannahs  
Africa of whom my grandmother sings  
On the banks of the distant river  
I have never known you  
But your blood flows in my veins  
Your beautiful black blood that irrigates the fields  
The blood of your sweat  
The sweat of your work  
The work of your slavery  
The slavery of your children  
Africa tell me Africa  
Is this you this back that is bent  
This back that breaks under the weight of humiliation  
This back trembling with red scars  
And saving yes to the whip under the midday sun  
But a grave voice answers me  
Impetuous son that tree young and strong  
That tree there  
In splendid loneliness amidst white and faded flowers  
That is Africa your Africa  
That grows again patiently obstinately  
And its fruits gradually acquire  
The bitter taste of liberty

Sumber: Gerald Moore & Ulli.1963. Modern Poetry from Africa.Middlesex: Penguin Books.Ltd.